

20/10/1997

Malaysia anjur sidang basmi kemiskinan

KOTA BHARU, Ahad - Malaysia dipilih buat pertama kalinya menganjurkan persidangan pada peringkat Menteri Asean mengenai pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan, selama lima hari, bermula esok.

Pemilihan itu selaras resolusi diputuskan di persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) awal tahun ini, mengenai pembasmian kemiskinan yang perlu digerakkan secara menyeluruh bagi membantu 70 juta golongan rakyat miskin di negara dalam rantau Asia Pasifik.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata sembilan negara Asean menyatakan persetujuan menyertainya, kecuali Kemboja yang memutuskan menghantar wakil sebagai pemerhati pada persidangan itu.

Persidangan itu dijangka dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan turut menyampaikan ucap utamanya.

Ia akan bermula dengan dengan mesyuarat di peringkat pegawai kanan kerajaan selama tiga hari, sebelum disusuli peringkat menteri pada 23 Oktober.

Annuar berkata, Malaysia akan mengambil kesempatan mengemukakan cadangan penubuhan Majlis Perundingan Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan Asean (Accord) sebagai sekretariat tetap di peringkat Asean.

"Saya mengemukakan cadangan mewujudkan Accord ini kerana Malaysia percaya kalau dapat diwujudkan kerjasama pelbagai hala antara negara Asean, kita boleh bertukar-tukar sumber maklumat dan kepakaran dalam bidang berkaitan.

"Dengan ini sedikit sebanyak akan membantu mempercepatkan proses pembangunan luar bandar," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Annuar berkata, langkah Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan persidangan itu selaras anjuran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melihat masalah kemiskinan sebagai masalah wilayah yang perlu ditangani bersama,

"Kalau kemiskinan di satu-satu negara tidak diatasi menerusi kerjasama serantau, kesannya akan melimpah ke negara lain," katanya.

Katanya, dokumen persefahaman akan ditandatangani selepas itu.

(END)